

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)23

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASANBAGAN DALAM
YB. SATEES A/L MUNIANDY**

23. Adakah Belanjawan Persekutuan 2022 adil kepada Pulau Pinang jika dibuat perbandingan cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan dari rakyat Pulau Pinang?
- (a) Daripada tujuh (7) projek yang dicadang oleh Kerajaan Negeri, berapakah projek telah mendapat peruntukan dalam Belanjawan Persekutuan 2022?
 - (b) Senaraikan program/projek untuk Pulau Pinang dalam Belanjawan Persekutuan 2022.

JAWAPAN OLEH Y.A.B KETUA MENTERI

23. Merujuk kepada Jabatan Perangkaan Malaysia, pada asasnya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) ialah konsep nilai ditambah. Ia adalah jumlah nilai ditambah bagi semua pengeluaran residen ditambah dengan cukai dan ditolak subsidi atas produk yang tidak termasuk dalam pengiraan output. Berdasarkan KDNK Pulau Pinang bagi tiga (3) tahun kebelakangan, Pulau

Pinang menyumbang antara 6.7% hingga 6.9% daripada KDNK negara.

Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan peruntukan Bajet 2022 berjumlah RM332.1 bilion. Daripada jumlah tersebut, RM75.6 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan. Anggaran peruntukan tahun 2022 yang diluluskan untuk Negeri Pulau Pinang pula berjumlah RM996 juta iaitu bersamaan dengan 1.3% peruntukan pembangunan. Sekiranya dibuat perbandingan secara terus dengan sumbangan kepada KDNK, Negeri Pulau Pinang sewajarnya mendapat peruntukan pembangunan berjumlah RM5.2 bilion. Iaitu perbezaan sebanyak RM4.2 bilion.

Kerajaan Negeri sedar bahawa keseimbangan pembangunan antara negeri dan wilayah adalah penting bagi memastikan kesemua rakyat Malaysia dapat menikmati hasil pembangunan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sewajarnya mempertimbangkan peruntukan pembangunan yang lebih tinggi untuk Negeri Pulau Pinang.

(a) Kerajaan Negeri telah mencadangkan tujuh (7) projek keutamaan negeri untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan*

Kedua, Rancangan Malaysia Ke-12 Tahun 2022. Status kelulusan projek masih belum diketahui kerana Kerajaan Negeri belum menerima senarai terperinci projek yang diluluskan di bawah Bajet 2022 Persekutuan.

(b) Anggaran peruntukan yang telah diluluskan untuk Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2022 adalah sebanyak RM996 juta dengan keutamaan diberikan kepada sektor Ekonomi dan Sosial. Pecahan kos dan peruntukan mengikut sektor utama adalah seperti berikut:

Sektor Utama	Bil.	Kos (RM Juta)	%	Peruntukan (RM Juta)	%
Ekonomi	45	5,524	60	636	63.9
Keselamatan	7	512	5.5	44	4.4
Pentadbiran	11	172	1.9	27	2.7
Sosial	113	2,999	32.6	289	29
Jumlah	176	9,207	100	996	100

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Kerajaan Negeri belum menerima senarai projek yang diluluskan di bawah Bajet 2022 Persekutuan. Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang memaklumkan bahawa projek-projek pembangunan yang diluluskan di bawah Bajet

2022 akan dikemaskini oleh semua Kementerian di dalam sistem MyProjek pada Januari 2022.